

Ketokohan Dr Mahathir diiktiraf dunia

Dinamakan sebagai antara tokoh paling berpengaruh oleh penerbitan utama dunia

KUALA LUMPUR

Dalam setahun sebagai perdana menteri ketujuh Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menerima pengiktirafan global apabila dinamakan sebagai tokoh berpengaruh dunia.

Pada awal Januari lalu, beliau diiktiraf sebagai Lelaki Muslim Paling Berpengaruh Dunia bagi 2019 oleh penerbitan *The Muslim 500*, sekali gus menetuai senarai 500 lelaki Islam paling berpengaruh di dunia.

Pada April pula, Dr Mahathir disenaraikan antara 100 individu paling berpengaruh di dunia pada 2019 oleh majalah berita antarabangsa, *Time*.

Awal bulan ini, beliau dinamakan pula sebagai 50 Tokoh Dunia Paling Berpengaruh 2019 oleh portal antarabangsa, *Fortune.com*.

Ketiga-tiga penerbitan itu menggambarkan Dr Mahathir, 93, sebagai insan luar biasa kerana berjaya menerajui gabungan Pakatan Harapan (PH) untuk memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada tahun lalu.

Berani

Selaku perdana menteri tertua di dunia, ramai mengenali Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berani dan lantang bersuara, tegas dalam membuat keputusan, amanah dalam berkhidmat serta berdisiplin tinggi terutamanya dari segi ketepatan waktu.

Dengan penampilan sederhana dan tenang, Dr Mahathir disegani ramai dan dipandang tinggi sebagai pemimpin berwibawa yang mempunyai daya pemikiran tajam serta sentiasa melontarkan teguran bernas.

Antaranya semasa berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke-73 di New York pada 29 September tahun lepas di mana Dr Mahathir dengan lantang mengulangi desakan supaya pembaharuan dilaksanakan dalam badan dunia itu termasuk mencadangkan supaya kuasa veto dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua negara kuasa besar dengan disokong oleh tiga anggota bukan

tetap Majlis Keselamatan PBB.

Beliau turut menarik perhatian pelbagai organisasi dunia apabila berani menempelak kerajaan Myanmar berikutan pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya di Rakhine selain mencadangkan dunia supaya mengiktiraf Palestin dan pada masa sama, menghentikan tindakan Israel daripada mencabuli undang-undang antarabangsa.

Pada Oktober lalu, Maharaja Akihito berkenan menyampaikan darjah kebesaran *The Grand Cordon of the Order of the Paulownia Flowers* kepada Dr Mahathir iaitu penganugerahan darjah kebesaran tertinggi Jepun berikutan sumbangan besar perdana menteri dalam memperkuatkan hubungan dua hala Malaysia dan Jepun.

Diiktiraf dunia

Pensyarah Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Syed Agil Alsagoff berkata, Dr Mahathir diiktiraf sebagai pemimpin berwibawa berikutan idea dan pemikirannya mendapat pujian pemimpin dunia sejak sekian lama.

Dr Mahathir, yang pernah menjadi pengurus Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), antaranya banyak mengaturkan strategi penyatuan negara-negara Arab daripada terus dibelenggu pengaruh Amerika Syarikat dan Israel.

Kelantangan beliau menentang pencerobohan Israel di bumi

Palestin dan pencerobohan Amerika Syarikat di bumi Iraq pada waktu itu telah memberikan dorongan dan semangat kepada negara-negara Arab untuk menyokong kepemimpinan beliau dan mengiktirafnya sebagai pemimpin dunia yang disegani.

"Kejayaan Dr Mahathir merubah Malaysia daripada sebuah negara dunia ketiga menjadi negara membangun menarik minat negara-negara Asia Barat untuk mencontohi kepemimpinan politik beliau. Malah, negara-negara Asia Timur juga menjadikan beliau sebagai insan contoh dalam memperkasa politik dan ekonomi," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir dikenang dan diingati sebagai pemimpin yang banyak menyalurkan bantuan kepada Bosnia-Herzegovina ketika negara itu dilanda perang pada 1990-an.

Profesor Politik dan Perhubungan Antarabangsa, Sekolah Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dr Azizuddin Mohd Sani berkata, Dr Mahathir ialah pemimpin yang konsisten dalam memperjuangkan isu-isu dunia termasuk membabitkan penduduk Palestin, Rohingya dan negara-negara membangun atau mundur yang lain.

Sebagai insan yang bentikan kekejaman, katanya, Dr Mahathir pernah menubuhkan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur bagi 'membicarkan' pemimpin



Dr Mahathir ketika berucap di PBB, New York pada 29 September 2018.

negara-negara yang terlibat dengan jenayah perang di Iraq pada 2003 yang menyebabkan 1.4 juta orang awam terkorban.

"Beliau juga amat anti dengan pembunuhan kaum. Sebab itulah apabila usahanya untuk mengiktiraf Statut Rom digagalkan, beliau berasa marah.

"Daripada kelantangannya bersuara, kita boleh lihat bahawa Dr Mahathir mahu Malaysia terus menjadi Harimau Asia yang lantang menyuarakan isu-isu global," katanya.

Pencetus transformasi

Dr Mahathir juga dikenali ramai sebagai perdana menteri yang berdedikasi, berprinsip teguh dan sentiasa melakukan reformasi dan transformasi dalam pentadbiran negara.

Syed Agil berkata, ia 'membuka mata' negara lain untuk menjadikan Malaysia contoh berikutan keupayaan melaksanakan transformasi politik di bawah kepimpinan seorang bekas perdana menteri yang dilantik buat kali kedua menyandang jawatan tertinggi kerajaan itu.

"Sifat kesederhanaan Dr Mahathir dalam menyantuni budaya politik dengan kepentingan rakyat sepanjang tempoh itu menyebabkan rakyat tersentuh dengan ke-

sungguhannya mentransformasi Malaysia daripada sebuah negara dunia ketiga kepada negara membangun yang berjaya," katanya.

Dr Mahathir juga dianggap sebagai pemimpin berwawasan yang boleh merencanakan Malaysia agar terus maju dalam bidang ekonomi dan sosial.

Semasa kepimpinannya sebagai perdana menteri keempat Malaysia dari 1981 hingga 2003, Malaysia mengalami transformasi cemerlang "khususnya dalam pembangunan dan sosioekonomi serta memacu kejayaan negara menjadi kuasa ekonomi serantau."

Azizuddin pula berpendapat Dr Mahathir dipilih semula menerajui kerajaan kerana rakyat mahu Malaysia kembali menjadi negara makmur.

"Pengalaman beliau yang masih ditagih. Rakyat Malaysia yang pernah melihat kemakmuran ekonomi yang dibawanya pada dekad 1990-an yakin beliau mampu membawa kembali kemakmuran itu kepada negara," katanya.

Beliau menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin unik yang berwawasan dalam mengemudi Malaysia kembali menjadi kuasa ekonomi serantau. — Bernama



Dr Mahathir bersama para pemimpin PH ketika mengumumkan kemenangan dalam PRU14 pada 9 Mei 2018.